

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK

Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[MAQASID IN HAJJ FROM THE QURAN AND AL-SUNNAH: ANALYSIS TO MALAYSIAN PILGRIMS]

MAQASID IBADAH HAJI DALAM PERSPEKTIF AL-QURAN DAN AL-SUNNAH: KAJIAN TERHADAP HUJJAJ MALAYSIA

RIZALMAN MUHAMMAD¹
ISHAK SULIAMAN²
MOHD FAIZ HAKIMI IDRIS^{3*}

¹Institut Pendidikan Guru, Kampus Ipoh Perak.

²Jabatan Al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

³Pusat Pengajian Usuluddin Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu.

*Corresponding author: hakimi9974@gmail.com

Received Date: 7 Januari 2016 • Accepted Date: 28 April 2016

Abstract

Hajj pilgrimage practice was conducted every year by millions of Muslims from around the world. But most of those who perform the pilgrimage forget to pay attention to the maqasid (objectives) main worship. They ask themselves more in-depth and focused on the aspect of fiqh rulings related to the Hajj pilgrimage and the requirements in terms of goals or maqasid pilgrims and their arguments are ignored. Worship is highlighted as one of the responsibilities and rights of God's servants need to be fulfilled, while the spirit and Maqasid was not directly touched. Therefore pilgrimage that does not help to contribute to a positive impact on the reform of individuals who carry it out and also to the public. The objective of this study was to identify maqasid in Hajj pilgrimage despite the practice based on the observations of Al-Qur'an and hadith texts and analyze the practice of Malaysian pilgrims. Surveys involving 379 respondents was conducted during the Hajj 1433H / 2012M, to answer the research objectives. Writing this article to multiply treasure maqasid pilgrims from the Quran and Al-Sunnah and see how far the practice of Malaysian pilgrims meet the maqasid.

Keywords: Maqasid, Hajj, Perspective, Al-Quran, Al-Sunnah, Pilgrims, Malaysian

Abstrak

Amalan haji dilaksanakan saban tahun oleh jutaan umat Islam dari seluruh pelusuk dunia. Namun kebanyakan mereka yang menunaikan ibadah haji lupa untuk memberi perhatian kepada maqasid (objektif) utama pensyiaratan ibadah tersebut. Mereka lebih menyibuk diri dan memberi tumpuan yang mendalam kepada aspek hukum-hakam fiqh yang berkaitan ibadah haji dan keperluan haji sedangkan dari sisi matlamat atau maqasid haji serta dalil-dalilnya diabaikan. Ibadat hanya

ditonjolkan sebagai satu tanggungjawab hamba dan hak Allah s.w.t. yang perlu ditunaikan, sedangkan roh dan maqasidnya pula langsung tidak disentuh oleh mereka. Justeru ibadah haji itu tidak membantu untuk memberi impak yang positif terhadap pengisian individu yang melaksanakannya dan juga kepada masyarakat. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti maqasid dalam ibadah haji disebalik amalan haji berdasarkan pengamatan daripada Al-Qur'an dan teks-teks hadith haji dan menganalisis amalan Hujjaj Malaysia berdasarkan maqasid tersebut. Kajian soal selidik yang melibatkan 379 responen dilakukan pada musim haji 1433H/2012M, untuk menjawab objektif kajian. Penulisan artikel ini untuk menggali khazanah maqasid haji dari Al-Qur'an dan Al-Sunnah dan melihat sejauhmana amalan jemaah haji Malaysia menepati maqasid tersebut.

Kata kunci: Maqasid, Haji, Perspektif, Al-Quran, Al-Sunnah, Hujjaj, Malaysia.

Cite as: Rizalman Muhammad, Ishak Suliaman & Mohd Faiz Hakimi Idris. 2016. Maqasid Ibadah Haji dalam Perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 12(1): 71-88

PENGENALAN

Kecenderungan para pengkaji membuat kajian tentang Maqasid al-Shari`ah adalah amat banyak sehingga pengertian maqasid disamari dengan maksud maslahah (Mas`ud Budukhah, t.t). Maqasid al-Shariah bukan sinonim dengan Usul al-Fiqh. Ini adalah kerana sebahagian perbahasan dalam Usul al-Fiqh terkeluar dari maqasid al-Shariah (Ridzwan Ahmad, 2008). Kemungkinan hal ini menyebabkan Ibn `Ashur (2005) berhasrat memisahkan ilmu maqasid al-Shariah dari ilmu Usul al-Fiqh yang dianggapnya tidak qat`ie dengan menjadikan maqasid Al-Shariah qat`ie. Autoriti maqasid shara' dalam menilai sesuatu tidak perlu dipertikaikan lagi kerana maqasid syara' bukanlah sesuatu yang asing dari dalil-dalil syara'. Ini kerana nilai-nilai maqasid shara' itu sendiri memang telah terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah (Muhammad Fathi, 1997). Justeru itu, mengetahui maksud atau tujuan sesuatu pengamalan adalah satu tuntutan supaya segala amalan kita itu bertepatan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah.

HUBUNGAN ANTARA MAQASID DENGAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

Imam al-Ghazali adalah pembuka pintu kepada penulisan dalam bidang Maqasid al-Shariah. Dalam masa yang sama beliau juga turut menulis karya yang berkaitan dengan maqasid al-Qur'an (Rashid Rida, 1990). Imam al-Ghazali (1990) menyatakan bahawa maqasid al-Shariah ialah mengenali al-Quran, Al-Sunnah dan Ijmak. Manakala al-Shatibi (1996) berkata : Sesiapa yang tidak mengetahui matlamat dan maqasid al-Qur'an dan maqasid al-Sunnah tidak halal dan tidak layak baginya untuk berbicara tentangnya (al-Quran dan al-Sunnah). Ungkapan daripada dua tokoh ini cukup untuk mengambarkan betapa kuatnya hubungan antara maqasid dengan dua sumber utama Syariat. Kedua-dua sumber tersebut ialah;

- i. Mengesakan Allah s.w.t. dan mengikhlaskan ibadah serta menolak segala bentuk syirik.

Setiap amalan haji berdiri di atas asas mentauhidkan Allah s.w.t. dan suci dari segala kesyirikan. Sesungguhnya terdapat banyak penjelasan al-Qur'an dan al-Hadith mengenai tempuhan jalan tauhid melalui ibadah haji. Allah s.w.t. menjelaskan bahawa kesempurnaan ibadah haji tidak dapat diraih kecuali dengan niat semata-mata kerana Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t.

وَإِذْ بَوَأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ أَن لَا تُشْرِكُ بِي شَيْءًا وَظَهَرَ بَيْتِي لِلطَّالِبِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكُعَ الْسُّجُودُ^٦

Kebanyakan Muffassirin menyatakan bahawa membersihkan al-Bayt bermaksud membersihkan Kaabah daripada segala bentuk syirik dan berhala. Ini adalah pendapat Ibn 'Abbas Qatadah, Mujahid, Sa'id bin Jubayr, Ibn Zayd dan lain-lain lagi (Al-Tabari, 1990). Ibn Kathir (1999) memetik pendapat al-Hasan al-Basri yang menyatakan bahawa membersihkan al-Bayt ialah menyucikan Kaabah daripada perkara yang menyakitkan dan daripada najis. Maksud perkara yang menyakitkan dan najis itu ialah syirik dan juga berhala serta patung-patung.

Nabi s.a.w. tidak menunaikan haji pada tahun ke 9 Hijrah dimana menurut pandangan sebahagian ulama haji difardukan pada tahun tersebut. Ini adalah kerana perbuatan syirik masih menebal dan menengelami Masjid al-Haram pada waktu itu. Tindakan Rasulullah s.a.w. ini menjelaskan lagi bahawa antara tujuan utama ibadah haji ialah membebaskan amalan haji dari bercampur-aduk dengan kesyirikan. Setahun sebelum melaksanakan ibadah haji, Rasulullah s.a.w. mengutuskan Saidina Abu Bakar untuk memaklumkan kepada manusia agar tidak tawaf dalam keadaan telanjang dan orang Musyrikin tidak lagi boleh menunaikan ibadah haji (Salman `Awdah, 2003).

Diantara syiar-syar ibadah haji juga ialah talbiyah. Kalimat talbiyah yang dikumandangkan para jemaah haji adalah puncak hakikat iman dan tauhid mengagungkan Allah s.w.t. dengan sebenar-benarnya. Masyarakat Arab Jahiliyyah telah mengubah lafaz talbiyah yang diungkapkan oleh Nabi Ibrahim a.s.

كَانَ الْمُشْرِكُونَ يَقُولُونَ لَبِيكَ لَا شَرِيكَ لَكَ قَالَ فِيَقُولُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَيَلْكُمْ قَدْ قَدْ فِيَقُولُونَ لَا شَرِيكَ لَكَ تَمَلِكَهُ وَمَا مَلَكَ يَقُولُونَ هَذَا وَهُمْ يَطْوِفُونَ الْبَيْتَ .

Musyrikin bertalbiah dengan menyebut “ Aku penuhi panggilan Mu, tiada sekutu bagi Mu,” Maka Rasulullah s.a.w bersabda “Celakalah kamu semua. Lantas mereka menyambung talbiah “melainkan sekutu yang Engkau miliki dan dia tiada memiliki Mu.

(Muslim.Kitab al- Hajj, Bab al-Talbiyah Wa Sifatiha Wa Waqtihha, No. 2815)

Justeru, Rasulullah s.a.w. menolak talbiah orang Musyrik yang memperseketukan Allah s.w.t. dengan mengubahnya kepada mengesakan Allah s.w.t.

لَبِيكَ اللَّهُمَّ لَبِيكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبِيكَ إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمَلَكُ لَا شَرِيكَ لَكَ

“Aku sambut seruan Mu Ya Allah, Aku sambut seruan Mu, Aku sambut seruan Mu, tiada sekutu bagiMu, Aku sambut seruan Mu, sesungguhnya segala pujian, nikmat dan

kerajaan adalah milikMu, tiada sekutu bagi Mu.”

(Al-Bukhari, Kitab al-Hajj, Bab al-Talbiah, No. 1549).

Rasulullah s.a.w. juga menzahirkan syiar-syiar Islam di tempat-tempat yang mana sebelum kedatangan Islam dikenali dengan tempat kekufuran, permusuhan dengan Allah s.w.t. dan RasulNya seperti mana berlaku peristiwa di Mina yang dijelaskan di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a.

قال النبي صلی الله عليه وسلم من الغد يوم النحر وهو بمني نحن نازلون غدا بخيف بنی کنایة حيث تقاسمو على الكفر ..

Nabi s.a.w. berkata, sehari setelah hari Nahr ketika Baginda masih di Mina: " Esok kita akan singgah di tempat Bani Kinanah ketika mereka saling bersumpah setia diatas kekafiran".

(Al-Bukhari, Kitab Al-Hajj, Bab Nuzul Al-Nabiyy Salla Allah `Alayh Wa Sallam Makkah, No.1590).

Mina tempat berlakunya penjanjian antara Bani Kinanah dan Quraish telah berpakat untuk memulau Bani Hashim dan Bani Al-Muttalib dengan tidak membenarkan perkahwinan , bermiaga dan berinteraksi dengan mereka sehingga diserahkan Nabi s.aw. kepada mereka. Namun perancangan mereka telah digagalkan oleh Allah s.w.t.dengan memenangkan Baginda Nabi s.a.w. Ibn Qayyim menyatakan bahawa menjadi kebiasaan kepada Baginda Nabi s.a.w. akan mendirikan syiar Tauhid di tempat yang menjadi simbol syiar kekufuran sepertimana Baginda memerintahkan untuk mendirikan masjid Taif mengantikan tempat diletakkan patung al-Latta dan al-`Uzza (Ibn Qayyim, 1991).

Sekiranya diamati dan difokuskan kepada keseluruhan amalan haji, tujuan atau matlamatnya ialah mentauhidkan Allah s.w.t. dan mengikhlaskan diri beribadat kepadaNya. Justeru, maqasid utama dari maqasid haji pastinya ialah keikhlasan amalan kerana Allah s.w.t.. Diantara indikator yang menunjukkan seseorang menunaikan haji kerana Allah s.w.t. ialah menjauhi riak dan sum`ah (Zuhayr Al-Shawish, t.t.). Baginda s.a.w. ketika ingin menunaikan haji berdoa kepada Allah s.w.t.

قال اللهم حجة لا رباء فيها ولا سمعة

Ya Allah jadikah haji ini tiada riak dan sum`ah ketika melaksanakannya”

(Ibn Majah, Kitab Al-Manasik, Bab Al-Hajj `Ala Al-Rahl, No. 2890).

Salah satu bentuk kesyirikan ialah tidak ikhlas dalam melakukan sesuatu amalan yang banyak dibahaskan oleh para ulama. Ibn Qayyim mengungkapkan syirik dalam melakukan amalan itu “ umpama lautan yang tiada pantai, yang amat sedikit orang yang selamat daripadanya. Sesiapa yang ingin sesuatu dari amalannya selain dari mencari reda Allah s.w.t., berniat sesuatu selain mendekatkan kepada Allah s.w.t.dan mengharapkan balasan dari amalan yang dilakukan, maka sesungguhnya ia telah syirik pada niat dan kemahuannya (Ibn Qayyim,

1996). Allah s.w.t. tidak menerima amalan yang ada sekutu bersamaNya. Allah s.w.t. hanya menerima amalan tulus kepadaNya dan bertepatan dengan Sunnah. Inilah sebaik-baik amalan sebagaimana yang Allah s.w.t. rakamkan di dalam firmanya:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ لِيَبْلُوكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً
وَلَئِنْ قُلْتُ إِنَّكُمْ مَبْعُوثُونَ مِنْ بَعْدِ الْمَوْتِ لَيَقُولَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ۝

“ Dan Dialah yang menjadikan langit dan bumi dalam masa enam hari, sedang `ArasyNya, berada di atas air (Allah s.w.t.jadikan semuanya itu) untuk menguji kamu, siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya. ”

Ibn Kathir mengulas dalam tafsirnya berkaitan dengan dengan ayat ini **لِيَبْلُوكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً** dengan berkata : Allah s.w.t.tidak menggunakan kalimah memperbanyakkan amalan, bahkan disebut dengan amalan yang terbaik. Tidak dikatakan sesuatu amalan itu terbaik sehingga ia mencapai tahap ketulusan dan kemurnian hanya untuk Allah s.w.t. dan berada di atas landasan syariat yang dipandu oleh Rasulullah s.a.w. Apabila sesuatu amalan itu hilang salah satu dari syarat ini, maka amalan tersebut terbatal dan menjadi sia-sia (Ibn Kathir, 1999).

Pada zaman jahiliyyah, mereka wukuf di Arafah dan meninggalkan Muzdalifah sebelum matahari terbenam. Nabi s.a.w. menunjukkan amalan haji yang berbeza dengan mereka iaitu dengan tetap berada di Arafah sampai matahari terbenam di ufuk barat. Amalan Nabi s.a.w. itu jelas membuktikan bahawa maksud atau objektif terbesar haji Nabi s.a.w. adalah menghancurkan aqidah-aqidah jahiliyyah dan tradisi yang dilakukan oleh kaumnya pada masa itu. Justeru itulah, Nabi s.a.w. melakukan amalan-amalan yang tidak sama dengan mereka. Ini bukan bermaksud untuk menyamakan amalan jemaah haji Malaysia yang meninggalkan Arafah sebelum matahari terbenam dengan amalan Arab Jahiliyah. Meninggalkan Arafah sebelum matahari terbenam hanya meninggalkan satu Sunnah, tidak berdosa dan sah hajinya, namun meneladani Sunnah dan menepati maqasid haji adalah yang terbaik.

Berdasarkan analisis deskriptif, didapati ada jemaah haji yang melakukan amalan yang bersalah dengan Sunnah dan tidak menepati maqasid mengesakan Allah s.w.t. dan membebaskan diri dari sebarang bentuk syirik iaitu berjalan mundur ke belakang dan mengadap ke arah Kaabah setelah selesai Tawaf Wada` ketika ingin keluar Masjid Al-Haram iaitu sebanyak (20.8%). Menurut Tuan Haji Razali (2013) terdapat 18 amalan khurafat yang dilakukan oleh jemaah haji antaranya ialah berjalan mengudur ke belakang setelah selesai tawaf Wada`, mencari tiang jin di dalam Masjid Al-Haram, menampal duit siling di bawah pintu Kaabah dan bawa balik untuk dijadikan ibu duit, sebagai pelaris perniagaan, mudah dapat jodoh dan memurahkan rezeki. Amalan seperti menyimpang dari maqasid mengesakan Allah s.w.t.. Dapatkan ini juga perlu diberi perhatian yang serius kerana amalan khurafat semasa mengerjakan haji perlu dijauhi. Ia bukan sahaja menjaskan ibadah haji tetapi juga boleh membawa kepada syirik dan merosakkan aqidah. Maqasid menunaikan ibadah haji adalah untuk mengesakan Allah s.w.t., mendekatkan diri kepadaNya, menyucikan diri dari syirik dan dosa dengan tujuan mendapat haji yang mabrur.

ii. Mengukuhkan ingatan terhadap Allah s.w.t. (Zikr Allah)

Maqasid utama disyariatkan ibadah haji adalah untuk zikir (mengingati) Allah s.w.t. Zikir dari segi bahasa menyebut, mengucapkan, mengagungkan dan mengingati (Ibn Manzur, t.t.). Zikir Allah ialah mengingati Allah s.w.t. dengan sepenuh hati, jiwa dan perasaan adalah bermatlamatkan untuk menguatkan ingatan terhadap Allah s.w.t. dalam setiap gerak hidup. Berulang kali Allah s.w.t. memerintahkan untuk berzikir kepadaNya ketika melaksanakan ibadah haji. Antaranya firman Allah s.w.t.

فَإِذَا قَضَيْتُم مَّنِاسِكُكُمْ فَادْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ إِبَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا فَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ رَبَّنَا إِلَاتِنَا
فِي الدُّنْيَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ ..

Al -Qur'an telah memberi panduan dan penjelasan bahawa ibadah haji disyariatkan adalah untuk menegakkan Zikr Allah. Qatadah menyatakan yang dimaksud dengan (منسكا) ialah ibadah haji, Mujahid berpendapat ia bermaksud sembelihan korban ,manakala al-Kalbi dan al - Farra' menyatakan ia bermaksud perayaan. Menyokong pendapat Qatadah perkataan dalam percakapan orang Arab, ia memberi maksud setiap orang yang berpegang dengan agamanya akan menjadikan Allah s.w.t. sebagai tempat pengabdian, pengorbanan yang mendekatkan diri mereka kepada Allah s.w.t . Perkataan (فاذكروا الله) menunjukkan kepada matlamat utama daripada ibadah haji ialah mengingati yang disembah dan bersungguh-sungguh mengingatinya (Al-Baydawi,1988). Sebagaimana berulangkali ditegaskan di dalam al-Qur'an bahawa amalan haji adalah untuk mengingati Allah s.w.t.. Begitu juga di dalam tindakan dan amalan haji Rasulullah s.a.w., sentiasa diiringi dengan Zikr Allah. Rasulullah s.a.w. juga menegaskan dalam sabdaannya bahawa amalan-amalan haji disyariatkan oleh Allah s.w.t. adalah untuk berzikir kepadaNya, sebagaimana hadith,

إِنَّمَا جَعَلَ الطَّوَافَ بِالْبَيْتِ وَبَيْنَ الصَّفَّا وَالْمَرْوَةِ وَرَمْمَيِ الْجَمَارِ لِإِقْامَةِ ذِكْرِ اللَّهِ

"Sesungguhnya disyariatkan Tawaf dan Sa'ie di antara Safa dan Marwah ialah kerana untuk menegakkan Zikr Alla"

(Abu Dawud, Kitab al-Manasik, Bab Fi al-Raml, No.1888).

Ibn Rajab (2003) berkata: Di antara jenis kebaikan yang paling besar di dalam ibadah haji ialah banyak mengingati Allah s.w.t. sepanjang melaksanakannya. Sesungguhnya Allah s.w.t. memerintahkan supaya memperbanyak mengingatinya sepanjang pelaksanaan ibadah haji berulang kali, khususnya ketika di dalam ihram dengan bertalbiah. Semenjak awal pelaksanaan ibadah haji iaitu berihram di Miqat dengan talbiyah sehingga selesai ibadah haji dengan melaksanakan Tawaf Wida` , semuanya berisi dengan mengingati Allah s.w.t. Ini bertepatan dengan sabdaan Nabi s.a.w.

أن النبي صلى الله عليه وسلم سئل أى الحج أفضل قال العج والشح

Sebaik-baik haji ialah memperbanyakkan laungan talbiyah dan menumpahkan darah untuk ibadah korban”

(Al-Tirmidhi, Kitab al-Hajj 'An Rasul Allah, Bab Ma Ja'a Fi Fadl al-Talbiyah wa al-Nahr, No. 857)

Rasulullah s.a.w. secara tegas menyatakan bahawa tujuan disyariatkan melontar di Jumrah adalah untuk menegakkan zikir kepada Allah s.w.t. Sabda Nabi s.a.w.

إِنَّمَا جَعَلَ الطَّوَافَ بِالْبَيْتِ وَبَيْنَ الصَّفَّا وَالْمَرْوَةِ وَرَمْيَ الْجَمَارِ لِإِقَامَةِ ذِكْرِ اللَّهِ

Sesungguhnya dijadikan Tawaf Kaabah, Sa`ie di antara Safa dan Marwah dan melontar jamrah adalah untuk berzikir kepada Allah s.w.t.”

(Abu Dawud, Kitab Al-Manasik, Bab fi al-Raml, no.1888).

Di saat menyembelih binatang, Allah s.w.t memerintahkan kita menyebut namaNya sebagaimana firmanya:

وَالْبُدْنَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِنْ شَعَّيرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا حَيْرٌ فَادْكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافَّ فَإِذَا وَجَبَتْ
جُنُوبُهَا فَكُلُّوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَّ كَذَلِكَ سَخَرْنَاهَا لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ۖ

“Oleh itu sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya) ketika ia berdiri di atas tiga kakinya maka apabilaia tumbang (serta terputus nyawanya) makanlah sebahagian daripada dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang lain tidak menerima dan yang meminta. Demikianlah kami mudahkan dia untuk kamu (menguasainya dan menyembelihnya) supaya kamu bersyukur”.

Di dalam ayat di atas, perintah untuk zikir yang pertama bermaksud menyebut nama Allah s.w.t (Bismillah), manakala zikir yang kedua bermaksud Takbir ('Adil al-Shaddi, 2008). Al-Qurtubi 1994 berkata: Ibn Umar menghimpunkan kedua-duanya (ketika menyembelih bintang dengan berdoa “Bismillah Allah, Allahu Akbar. Amalan ini merupakan kefahaman Ibn Umar r.a.”. Tindakan Ibn Umar adalah bertepatan Sunnah Nabi s.a.w ketika ingin menyembelih binatang korban dan berdoa kepada Allah,

عن انس عن النبي صلى الله عليه وسلم بمثله غير أنه قال ويقول باسم الله والله أكبر.

(Muslim , Kitab al-Adahi, Bab Istihbab al-Dahiyah wa Dhibhuha Mubasharah bi la al-Tawkil wa al-Tasmiyah wa al-Takbir, No. 5090).

Ini merupakan zikir dan doa kepada Allah s.w.t. Al-Zamakhshari (2001) berkata: Digandingkan ibadah korban dan sembelihan dengan nama Allah s.w.t ialah kerana Islam tidak sekali-kali memisahkan dari menyebut nama Allah s.w.t apabila melakukan ibadah korban atau menyembelih. Ini adalah utuk menegaskan bahawa matlamat dan tujuan utama yang mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. ialah menyebut namanya.

Amalan ibadah haji diakhiri dengan tawaf Wada` . Sepanjang melaksanakan tawaf tersebut dipenuhi dengan zikir dan doa juga. Allah s.w.t. memerintahkan untuk memperbanyakkan zikir setelah selesai menunaikan ibadah haji sebagaimana firmanNya,

فَإِذَا قَضَيْتُم مَنِاسِكُكُمْ فَأَذْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ إِبَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا

Jumhur Muffassirin berkata: Menjadi tradisi masyarakat Jahiliah apabila mereka selesai menunaikan haji, mereka berkumpul untuk bersyair dan bermadah dengan tujuan untuk berbangga dan bermegah dengan keturunan nenek moyang mereka. Maka Allah memerintahkan orang Islam mengubah dari memuji dan muja nenek moyang kepada s.w.t. menyebut madah pujian, kesyukuran dan keagungan hanya untuk Allah s.w.t. Pendapat ini diriwayatkan oleh Anas dan Ibn `Abbas , Mujahid , Abi Wa`il , Abi Bakr bin `Ayyas , Qatadah, Sa`id bin Jubayr dan `Ikrimah (Al-Qurtubi, 1994).

Berdasarkan observasi, pengkaji mendapati para hujjaj Malaysia amat menitik beratkan zikir dalam amalan haji, contohnya ketika melakukan tawaf dan sa`ie. Sepanjang tujuh pusingan tawaf dan sa`ie diiringi dengan zikir dan doa yang dibaca dari buku-buku atau dihafaz. Manakala dari dimensi yang lain yang membuktikan para hujjaj Malaysia amat menitik beratkan zikir dalam amalan haji ialah dapatan daripada analisis deskriptif, yang menunjukkan para hujjaj Malaysia yang berzikir, berdoa, beristighfar dan membaca al-Qur'an ketika berada di padang Arafah ialah sebanyak 96.6 %, melakukan Qiamullail pada malam 9 Zulhijah di Arafah ialah sebanyak 77.1%. Namun tidak kesemua zikir yang dilakukan dalam kalangan hujjaj Malaysia tersebut yang menepati Sunnah antaranya ialah melakukan Qiamullail pada malam 9 Zulhijjah di Arafah dan berdoa setiap kali selesai melontar jamrah Al-Aqabah pada setiap hari Tasyriq. Rasulullah s.a.w tidak melakukan zikir dan amalan yang lain selepas solat Isyak pada malam 9 Zulhijjah di Mina melainkan tidur sahaja (Al-Nawawi, 1994) dan Baginda tidak berdoa setiap kali selesai melontar jamrah Al-Aqabah pada setiap hari Tasyriq (Al-`Azim Abadi, 1990).

Zikr Allah bukan hanya dengan hanya meniti di bibir sahaja, bahkan ia bersama penghayatan di hati. Justeru ibadah tidak boleh dilaksanakan dengan sambil lewa sahaja. Ia bukan bentuk ritual semata-mata, bahkan setiap ibadah disertakan dengan penghayatan. Allah s.w.t. tidak menerima ibadah tersebut sekiranya dilaksanakan dalam keadaan hatinya lupa kepada Allah s.w.t. Jelas sekali bahawa tindakan dan amalan haji Rasulullah s.a.w. sentiasa diiringi dengan Zikr Allah dan ia adalah maqasid atau objektif utama disyariatkan ibadah haji.

Ibadah haji didasarkan pada asas kemudahan dan pilihan. Persepsi yang menyatakan bahawa sesiapa yang melaksanakan ibadah haji tanpa menempuh kesusahan, hajinya tidak diterima oleh Allah s.w.t. merupakan pandangan songsang. Tidak dinafikan, jemaah haji terpaksa mengalas berbagai kesulitan dan kepayahan seperti kepenatan, lapar, haus panas dan sebagainya. Namun, Islam adalah agama sesuai dengan fitrah manusia dan tidak pernah

menyusahkan. Justeru itu, terdapat banyak ayat-ayat a-Qur'an dan hadith-hadith yang menunjukkan antara maqasid atau objektif syariat, iaitu memudahkan, tidak membebankan dan senang untuk diamalkan. Firman Allah s.w.t

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Terjemahan: "Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menginginkan kesukaran bagimu."

al-Baqarah: 185

Allah s.w.t juga berfirman di dalam surah al-Hajj: ayat 78:

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Terjemahan: "Dan Dia (Allah) sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama sesuatu kesukaran"

al-Hajj: 78

Allah s.w.t. tidak menginginkan kesusahan, penderitaan, rasa sakit dan kesulitan kepada hambanya dalam melaksanakan ibadah. Demikian juga Rasulullah s.a.w. berulang kali menyebut) yang memberi maksud "tidak mengapa" atau dengan lain perkataan "(لَلَّهُ أَعْلَمُ) " perkataan ini Lakukanlah dan engkau tidak berdosa" sebagai menggambarkan bahawa ia merupakan kaedah umum untuk memudahkan jemaah haji untuk melaksanakan ibadah haji. Rasulullah s.a.w. menerima pengamalan ibadah haji yang dilakukan oleh sahabat walaupun tidak mengikut susunan sebagaimana yang dilakukan oleh Baginda iaitu amalan melontar, sembelih dan bercukur.

كان النبي صلى الله عليه وسلم يسأل يوم الحرمي فيقول لا حرج فسأله رجل فقال خلقت قبل أن أذبح قال أذبح ولا حرج وقال
رميت بعد ما أمسيت فقال لا حرج

"Rasulullah s.a.w. ditanya pada hari Al-Nahr di Mina dan menjawab: "Tidak mengapa". Seseorang bertanya dan berkata:" Aku bercukur sebelum sembelih? Baginda menjawab: "Menyembelih lah tidak mengapa. Seseorang lain bertanya: "Aku melontar selepas tahalul? Baginda menjawab: Tidak mengapa."

(Al-Bukhari, Kitab Al-Hajj , Bab Idha Rama Ba`d Ma Amsa Aw Halaq Qabl An Yadhbah Nasiya Aw Jahila, No. 1735).

Banyak amalan dan tindakan Rasulullah s.a.w. sepanjang melaksanakan haji Wada' menggambarkan bahawa ibadah haji bukan menempuh kesukaran dan kesusahan, bahkan jelas

dengan amalan haji Baginda, ia memberi motivasi kepada umatnya bahawa ibadah haji terbina atas dasar kemudahan. Antara sorotan yang memaparkan kemudahan tersebut ialah Nabi solat secara qasar selama 10 hari sepanjang melakukan ibadah haji. Ini bertepatan dengan hadith yang diriwayatkan oleh Ishak bin Anas :

خرجنا مع رسول الله صلى الله عليه وسلم من المدينة إلى مكة فصلى ركعتين حتى رجعنا قلت كم أقام بمكة قال عشرة

“Kami bersama-sama Rasulullah s.a.w. dahulu dari Madinah ke Makah, maka Rasulullah s.a.w. solat masing-masing. Maka Rasulullah s.a.w. melakukan solat masing-masing dua rakaat hingga kami pulang. Aku bertanya: Berapa lama Nabi s.a.w. mukim di Makah? Anas menjawab: sepuluh hari”

(Muslim, Kitab Salah Al-Musafirin Wa Qasruha, Bab Salah Al-Musafirin Wa Qasruha, No. 1586).

Rasulullah s.a.w. juga tidak melakukan solat sunat yang menyelangi solat fardu semasa ibadah haji. Tidak disyariatkan solat sunat antara kedua-dua solat yang dijamakkan ataupun selepasnya adalah kerana untuk memberikan kemudahan dan keringanan kepada jemaah haji. Jabir bin `Abd Allah meriwayatkan:

فصلى الظهر ثم أقام صلى العصر ولم يصلى بينهما شيئاً

Setelah itu, Baginda pun azan lalu Iqamah dan menunaikan solat Zuhur. Kemudian Iqamah “ ” dan menunaikan solat Asar pula, tanpa melakukan sebarang solat sunat lain

Muslim, Kitab Al-Hajj, Bab Hajjah Al-Nabiyy Salla Allah `Alayh Wa Sallam, h. 245, no.) (2137

Ibn al-Mundhir berkata bahawa ijmak ulama menyatakan bahawa meninggalkan amalan-amalan sunat di antara dua solat (Maghrib dan Isyak) di Muzdalifah seperti solat sunat dan zikir adalah Al-Sunnah kerana mereka telah sepakat bahawa yang menjadi Sunnah menunaikan solat secara Jamak Maghrib dan Isyak di Muzdalifah (Ibn Hajar, 1994). Rasulullah s.a.w. juga menggunakan kemudahan yang ada dalam melaksanakan ibadah haji.

Berdasarkan analisis deskriptif, didapati hujjaj Malaysia menunaikan solat Zuhur dan Asar secara Jamak Tamam di Arafah sebanyak (87.3%), manakala solat Maghrib dan Isyak di Muzdalifah secara Jamak Ta’akhir serta Qasar sebanyak (72.5%). Jemaah haji Malaysia menunaikan solat jamak tamam semasa berada di Arafah dan Muzdalifah selaras dengan Resolusi Muzakarah haji memutuskan; diharuskan melaksanakan solat secara Jama’ semasa berada di Arafah dan Mina kerana mashaqqah dan mengikut pendapat harus Jamak kerana Nusuk ”(Resolusi Muzakarah Haji, 2006). Dibolehkan solat jama’ di Arafah, Mina dan Muzdalifah secara Tamam (sempurna) kerana keperluan disebabkan mashaqqah yang dihadapi oleh jamaah haji ”(Resolusi Muzakarah Haji, 2009). Al-Qaradawi ketika menjelaskan pengertian maqasid menyatakan bahawa `illah bukan maqasid kerana `illah untuk menentukan hukum, bukan maqasid sesuatu amalan. Sebagai contoh, sebagaimana ahli Usul Fiqh

menyatakan bahawa `illah diberi rukhsah dalam musafir ialah untuk solat jamak dan qasar dan berbuka puasa di bulan Ramadhan. Hakikatnya rukhsah itu bukan `illah, akan tetapi hikmah disebalik diberikan rukhsah tersebut ialah menghilangkan kesukaran kepada orang yang bermusafir (Al-Qaradawi, 2007). Penulis lebih bersetuju dengan pendapat al-Qaradawi iaitu qasar bukan disebabkan musafir tetapi kerana mushaqqah yang wujud. Menunaikan solat secara jamak dan qasar semasa di Arafah dan Muzdalifah lebih menepati amalan Rasulullah s.a.w. dan selaras dengan maqasid untuk memberi kemudahan kepada jemaah haji.

Toleransi juga termasuk di dalam pengertian memberi kemudahan. Toleransi Rasulullah s.a.w. jelas terbukti dengan memberi keringanan kepada golongan yang lemah dan mempunyai keuzuran dalam melaksanakan dan menyempurnakan ibadah haji. Baginda memberi keizinan kepada wanita dan orang yang uzur berangkat lebih awal dari Muzdalifah ke Mina.

عن عائشة رضي الله عنها قالت استأذنت سودة النبي صلى الله عليه وسلم ليلة جمع وكانت ثقيلة ثبطة فأذن لها

“Kata ‘A’ishah ; Sawdah meminta izin dari Rasulullah s.a.w. untuk beredar dari Muzdalifah kerana masalah berat badannya yang melembapkan pergerakannya, lantas diizinkan oleh Rasulullah s.a.w.”

(Al-Bukhari, Kitab Al-Hajj, Bab Man Qaddam Da`fah Ahlih Bi Layl Fa Yaqifun Bi Al-Muzdalifah Wa Yad`un Wa Yuqaddam Idha Ghab Al-Qamar, no. 1680)

Rasulullah s.a.w. memberi keizinan kepada Ibn `Abbas untuk tidak bermalam di Mina disebabkan kerana urusan memberi minuman (al-Siqayah) kepada jemaah haji.

أن العباس رضي الله عنه استاذن النبي صلى الله عليه وسلم لبيت بمكة ليالي مني أجل سقايتها فأذن له تابعه أبو أسامة وعقبة بن خالد وأبو ضمرة

Dari Nafi` dari Ibn `Umar r.a. : “Sesungguhnya Al-`Abbas meminta keizinan Rasulullah s.a.w untuk bermalam di Makah pada malam-malam Mina (bermalam di Mina) kerana pengurusan menyediakan minuman . Maka diberikan keizinan kepadanya dan membawa pengikutnya iaitu Abu Usamah , ‘Uqbah bin Khalid dan Abu Damrah ..”

Al-Bukhari, Kitab Al-Hajj, Bab Hal Yabit Ashab Al-Siqayah Aw Ghayrhum Bi Makkah
(Layaliya Mina, No. 1745

Baginda s.a.w. turut memberi keizinan kepada penggembala unta melontar pada hari pertama Tashriq (11 Zulhijjah), kemudian meninggalkan Mina untuk menjaga unta-unta mereka. Kemudian mereka datang pada hari ketiga Tashriq (13 Zulhijjah) dengan melontar untuk hari yang mereka tinggalkan (12 Zulhijjah) dan untuk hari ketiga Tashriq.

ان النبي صلى عليه وسلم رخص للرعاء أن يرموا يوماً ويدعوا يوماً

“Dari Abi Al-Baddah bin `Adi dari ayahnya sesungguhnya Nabi s.a.w. memberi rukhsah (keringanan) kepada penggembala unta untuk melontar sehari dan meninggalkan sehari ..”

(Abu Dawud, Kitab al-Manasik, Bab fi Ramy al-Jimar, No.1976).

Hadith di atas juga menjadi dalil di haruskan untuk tidak bermalam di Mina kepada orang yang mempunyai keuzuran dan mashaqqah dan bukan hanya untuk Ibn `Abbas serta untuk sebab Siqayah sahaja (Al-San`ani, 1992). Diberi rukhsah kepada penggembala unta ialah kerana tidak mungkin bagi mereka melakukan tiga perkara dalam tempoh masa yang sama di antara menternak unta, melontar dan bermalam di Mina. Maka diharuskan kepada mereka tidak bermalam di Mina kerana tergolong di kalangan Ma`dhurin dan melontar dengan cara yang telah disebut di atas (Al- Shawkani, 1995).

Berdasarkan analisis deskriptif, didapati para hujjaj Malaysia meninggalkan Muzdalifah selepas 12 tengah malam menuju ke Mina ialah sebanyak 80%. Manakala amalan Rasulullah s.a.w. ialah Baginda bermalam di Muzdalifah dan beredar dari Muzdalifah ke Mina sebelum terbit matahari 10 Zulhijjah. Kebenaran Rasulullah s.a.w. tidak bermalam di Mina bagi mereka yang mempunyai keuzuran. Bukan mengambil jalan mudah, walaupun tidak mempunyai masalah, namun tidak bermalam di Mina dan hanya membayar dam sahaja.

Objektif syari`ah ialah adalah memberikan kemudahan dalam ibadah haji. Sesetengah pendapat, bahkan dalam kalangan ilmuwan yang memahami bahawa ibadah haji merupakan ibadah yang terpaksa merintangi kesulitan dan kepayahan. Sesiapa yang tidak mengalami kesukaran ketika melaksanakan ibadah haji bererti amalan hajinya belum sempurna. Dalil-dalil yang menunjukkan kemudahan dan toleransi yang terdapat di dalam agama ini, serta menghilangkan bebanan dan belenggu dari seluruh umatnya. Akan tetapi, kemudahan ini mempunyai batas-batasnya. Pemberian rukhsah ini bukan boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya.

Ketenangan semasa melakukan ibadah merupakan salah satu maqasid Sunnah dalam ibadah haji. Ketenangan dalam beribadah membawa kekhusukan. Khusyuk merupakan jiwa dan roh kepada ibadah. Ibadah yang tidak dijiwai dengan khusyuk hanyalah ibadah yang sia-sia, tidak memberikan apa-apa melainkan hanya mendapat kepenatan. Menurut Yusuf al-Qaradawi (2005), khusyuk terbahagi kepada 2 iaitu khusyuk hati dan khusyuk anggota badan. Khusyuk hati ialah merasakan pengawasan Allah s.w.t. serta kehebatannya. Khusyuk anggota merupakan pelengkap dan manifestasi daripada kekhusukan hati seseorang yang sedang beribadah (Ibn Qayyim,1996).

Rasulullah s.a.w. tidak tergopoh gapah dalam melakukan ibadah haji, bahkan dalam keadaan tenang. Rasulullah s.a.w. menasihatkan sahabat supaya jangan memukul binatang tunggangan untuk mempercepatkan perjalanan berangkat untuk meninggalkan Arafah menuju ke Muzdalifah. Bergegas meninggalkan Muzdalifah sebelum detik tengah malam boleh menyebabkan tidak sah bermalam di Muzdalifah. Observasi penulis mendapati, terdapat jemaah yang berlumba-lumba menunggu giliran untuk menaiki bas, sedangkan waktu itu belum masuk waktu tengah malam. Observasi ini disokong dengan dapatan analisis deskriptif yang menunjukkan para hujjaj Malaysia meninggalkan Muzdalifah selepas 12 tengah malam menuju ke Mina ialah sebanyak 80%. Ada juga dalam kalangan jemaah haji yang melakukan haji ekspres iaitu selepas wukuf di Arafah terus ke Makah dan selepas setengah malam melakukan tawaf & saie serta bergunting atau bercukur kemudian balik semula ke Muzdalifah. Amalan ini tidak menepati maqasid haji sebagaimana saranan Baginda s.a.w. :-

أيها الناس السكينة السكينة كلما أتى حبلا من الحبال أرخي لها قليلا حتى تصعد حتى أتى المزدلفة

Wahai manusia, bertenanglah, bertenanglah!. Setiap kali melalui tempat tinggi, Baginda ” ”mengendurkan tali kekang untuk memudahkan Al-Qaswa’ berjalan

(Muslim, Kitab Al- Hajj, Bab Hajjah Al-Nabiy Salla Allah `Alayh Wa Sallam, No. 2950)

Dianjurkan berjalan dengan tenang ketika bertolak dari Muzdalifah ke Mina supaya hati tetap khusyuk dan tidak memudaratkan diri jemaah haji itu sendiri serta orang lain. Jutaan jemaah haji melalui jalan yang sama, maka memerlukan ketenangan tanpa tergopoh-gapah dalam perjalanan. Imam Nawawi berkata: ” Disarankan ketika bertolak dari Muzdalifah ke Mina agar berjalan dengan tenang. Jika mendapat tempat yang luas (tidak sesak), dianjurkan mempercepatkan perjalanan, sepetimana yang dilakukan ketika bertolak dari Arafah ke Muzdhafah.... ” (Al-Nawawi, t.t.).

Rasulullah s.a.w juga mengingatkan umatnya supaya jangan tergesa-gesa dalam melaksanakan lontaran Jamrah dengan sabdanya,

يَا أَيُّهَا النَّاسُ لَا يَقْتُلُ بَعْضُكُمْ بَعْضًا وَإِذَا رَمَيْتُ الْجَمْرَةَ فَارْمُوا بِمِثْلِ حَصْنِ الْخَذْفِ

” Wahai manusia! janganlah di kalangan kamu membunuh sebahagian yang lain, apabila kamu melontar Jumrah, maka lontarkanlah dengan batu kerikil (sebesar kacang Dal).”

(Abu Dawud, Kitab al-Manasik, Bab Fi Ramy al-Jimar, No.1966).

Berdasarkan analisis deskriptif, pengkaji mendapati 67.1% jemaah haji menghabiskan masa Hari Tashrik dan malamnya di Mina dan melakukan Nafar Thani. Manakala 32.9% jemaah haji melakukan Nafar Awwal. Justeru peratusan tersebut menunjukkan amalan jemaah haji yang menepati amalan haji Rasulullah s.a.w. ketika bermalam di Mina pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah secara keseluruhan adalah sederhana iaitu dengan nilai min 2.23. Justeru itu, bertenang di dalam melaksanakan ibadah merupakan salah satu daripada maqasid haji yang perlu diambil perhatian bagi jemaah haji demi untuk kesempurnaan ibadah haji. Kesempurnaan ibadah haji bukan diukur dengan siapa yang paling cepat menyelesaiannya atau dengan ukuran kuantiti ia dilakukan. Kayu ukur yang sebenar ialah kualiti ibadah untuk mengapai ketaqwaaan kepada Allah s.w.t.

Ibadah haji juga merupakan tarbiah dan kursus pendidikan serta penyempurnaan akhlak manusia. Ibadah haji juga merupakan mengukuhkan penyucian jiwa hamba daripada nafsu syahwat. Orang yang tidak mampu mengawal hati dan jiwanya selama melaksanakan ibadah haji, adalah orang yang tidak membekalkan dirinya dengan nilai-nilai taqwa sama ada sebelum atau sesudah menunaikan haji. Ibadah haji merupakan peluang keemasan untuk muhasabah dan mengoreksi diri serta berusaha meninggalkan sifat mazmumah, digalang-ganti dengan sifat mahmudah (^Adil al-Shaddi, 2008). Firman Allah s.w.t.

الْحَجَّ أَشْهُرٌ مَعْلُومَتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقٌ وَلَا حِدَالٌ فِي الْحَجَّ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ
اللَّهُ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ حَيْرَ الرِّبَادِ الشَّقَوَىٰ وَاتَّقُونَ يَاؤُلِي الْأَلْبَابِ^{١٩٧}

” Musim haji adalah beberapa bulan yang dimaklumi. Barang siapa yang menetapkan niatnya pada bulan itu untuk menunaikan haji, maka janganlah berkata lucah dan kotor, berbuat fasik dan berbantah-bantahan di dalam masa mengerjakan haji....”

al-Baqarah: 197

Berbagai tafsiran Mufassirin tentang maksud perkataan (ثَغَر). Namun tafsiran itu boleh dibahagikan kepada 3 pendapat iaitu;

- i. Rafath dengan maksud jima' atau persetubuhan (al-Tabari, 1995).
- ii. Rafath dengan maksud melakukan kejadian dan gangguan seksual kepada perempuan dalam percakapan dan terang-terangan menyebut tentang seks.

Melakukan muqaddimah atau permulaan jima' juga termasuk dalam pengertian Rafath (Ibn Kathir, 1999).

- iii. Rafath dengan maksud mencarut dan percakapan yang melalaikan (Lagha).

Berdasarkan kepada ketiga-tiga pendapat ini , Abu Al-Farj Ibn Al-Jawzi dan Nizam al-Din al-Naysaburi menyatakan maksud Rafath yang paling dekat di dalam di atas ialah pendapat yang ketiga. Menurut kedua-dua tokoh ini perkataan Rafath di dalam ayat tersebut dalam bentuk Nakirah dalam bentuk penafian memberi erti pengertian umum. Ulama juga berselisih pendapat tentang maksud perkataan Al-Fusuq. Antaranya ialah :-

- i. Dengan maksud segala bentuk maksiat. Ini adalah mengikut riwayat Ibn 'Abbas, 'Ata', Al-Hasan, Tawus, Mujahid, Muhammad bin Ka`ab Al-Qarzi, Sa`id bin Jubayr, Al-Rabi` , `Ikrimah dan Al-Zuhri.
- ii. Melakukan maksiat kepada Allah s.w.t.di dalam waktu ihram seperti memburu binatang, mencabut bulu atau rambut, memotong kuku dan seumpamanya yang merupakan larangan di dalam ihram. Ini adalah pendapat Ibn 'Umar.
- iii. Celaan atau makian. Ini adalah pendapat `Ibn Umar, Ibn `Abbas, Al-Suddi, Ibrahim , 'Ata', Al-Hasan dan Mujahid.

Pendapat yang paling baik ialah pendapat yang pertama sebagaimana dipersetujui oleh kebanyakan para Mufassirin. Ini adalah kerana perkataan Nakirah dengan bentuk atau tujuan penafian ia memberi maksud umum. Maka Fusuq itu bererti tidak mentaati perintah. Mufassirin juga tidak sependapat tentang maksud al-Jidal. Antara pendapat-pendapat tersebut Al-Jidal

dengan maksud cacian, pertikaian, permusuhan, kemarahan, berbantah-bantah dalam berbangga-bangga dengan keturunan dan berbantah dalam soal siapa yang paling sempurna hajinya (Ibn Kathir, 1999).

Abu Bakr al-Jasas berkata “ Kesemua maksud-maksud yang disebutkan oleh ulama yang terdahulu adalah harus dijadikan apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t.. Seseorang yang berada di dalam ihram ditegah dari caci-mencaci, bertegang urat leher, bertelingkah pada bulan haji dan pada waktu lain, ditegah melakukan kejahatan dan sebarang maksiat. Maka keseluruhan ayat mengandungi perintah untuk menjaga lidah dan kemaluan daripada melakukan sebarang bentuk kejahatan dan maksiat. Sesungguhnya Allah s.w.t. titipkan tegahan di dalam ihram kerana meletakkan kehormatan yang tinggi kepada pemakaian ihram. Ini adalah kerana melakukan kemaksiatan ketika ihram adalah amat besar dosanya dan akan mendapat balasan yang amat berat berbanding melakukannya diluar ihram” (Al-Jasas, t.t.). Al-Zamakhshari berkata” Sesungguhnya perintah menjauhi perkara maksiat dan fasik adalah wajib pada setiap keadaan, namun melakukan perbuatan tersebut ketika pelaksanaan haji adalah amat keji seperti memakai sutera ketika solat atau mengalun lagu sambil membaca al-Qur'an ” (Al-Zamakhshari, 2001). Berdasarkan kepada observasi, penulis dapat perbuatan bertolak-tolak untuk mencium hajar Aswad, kata-kata lucu, bertengkar, perbahasan tentang hukum-hakam haji turut berlaku dalam kalangan jemaah haji Malaysia.

Di samping itu, tidak kurang juga banyaknya hadith-hadith yang menjelaskan perkara-perkara yang patut dijauhi oleh jemaah haji ketika pelaksanaan ibadah haji dan kesemuanya itu adalah demi untuk kesempurnaan proses penyucian jiwa dari akhlak yang buruk kepada persediaan untuk menghiasi diri akhlak yang mulia. Antaranya ialah hadith yang menegah menunaikan ibadah haji dari sumber harta yang haram sebagaimana sabda Nabi s.a.w.

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم أيها الناس غن الله طيب لا يقبل غلا طيبا وغنا الله أمر المؤمنين بما أمر المرسلين

Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Allah s.w.t. itu baik. Dia tidak menerima sesuatu melainkan yang baik pula. Dan sesungguhnya Allah s.w.t. telah memerintahkan kepada orang-orang yang beriman seperti yang diperintahkanNya kepada Rasul.”

(Muslim,Kitab Al-Zakah, Bab Qabul Al-Sadaqah Min Al-Kasb Al-Tayyib wa Tartibatiha, No. 2348)

Rasulullah s.a.w. juga menunjukkan contoh yang terbaik dalam menegur kesilapan dan kesalahan yang dilakukan oleh sahabat khususnya ketika melaksanakan ibadah haji.

فَلَمَّا دَفَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرْتَ بِهِ ظَعْنَ يَجْرِينْ فَطَقَقَ الْفَضْلُ يَنْظُرُ إِلَيْهِنْ فَوَضَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ عَلَى وَجْهِ الْفَضْلِ فَحُولَ الْفَضْلُ وَجْهُهُ إِلَى الشَّقِّ الْأَخْرَ يَنْظُرُ فَحُولَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ الشَّقِّ الْأَخْرَ عَلَى وَجْهِ الْفَضْلِ يَصْرُفُ وَجْهَهُ مِنَ الشَّقِّ الْأَخْرَ يَنْظُرُ

Ketika Rasulullah s.a.w. mula berangkat beberapa orang wanita Bahrain lalu di situ. Al-Fudayl memandang mereka lantas Rasulullah s.a.w. menutup muka Al-Fudail dengan tangan Baginda. Al-Fudayl memalingkan mukanya ke sebelah yang lain sambil terus memandang. Baginda pun

mengalihkan tangannya pula di muka al-Fu dayl ke sebelah yang lain sambil memalingkannya memandang kearah yang lain.”

(Muslim, Kitab Al- Hajj, Bab Hajjah al-Nabiyy Salla Allah `Alayh Wa Sallam, h.245, No. 2137)

Rasulullah s.a.w. menegur sahabat dengan hanya menutup dan memaling muka sahabat daripada terus melihat wanita tanpa menegur dengan perkataan atau tindakan yang keras. Nabi s.a.w. melarang dan menegah setiap perbuatan yang membawa kepada ketidakselesaan dan kesukaran kepada jemaah haji sama ada yang menimpa tubuh badan atau jiwa raganya. Rasulullah s.a.w. turut menegah bersesak-sesak dan melontar dengan menggunakan batu yang besar yang mungkin boleh menyebabkan kecederaan kepada jemaah haji yang lain.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ لَا يَقْتُلُ بَعْضُكُمْ بَعْضًا وَإِذَا رَمَيْتُمُ الْجَمَرَةَ فَارْمُوا بِمُثْلِ حَصِّ الْخَذْفِ

”Wahai manusia ! janganlah di kalangan kamu membunuh sebahagian yang lain apabila kamu melontar Jumrah, maka lontarkanlah dengan batu kerikil (sebesar kacang Dal)”

(Abu Dawud, Kitab al-Manasik, Bab Fi Ramy al-Jimar, No.1966)

Kalau itulah sikap Nabi s.a.w. dalam perkara itu, bagaimakah agaknya pendirian dan sikap Nabi s.a.w terhadap mereka yang sengaja memberi kemudarat kepada jemaah haji dengan melakukan penganiayaan dan penipuan ?. Rasulullah s.a.w. bersabda :

رَأَيْتُ فِيهَا صَاحِبَ الْمَحْجُونَ يَحْرُجُ قَصْبَهُ فِي النَّارِ كَانَ يُسْرِقُ الْحَاجَ بِمَحْجُونَهِ فَإِنْ فَطَنَ لَهُ قَالَ إِنَّمَا تَعْلُقُ بِمَحْجُونَيِّ وَإِنْ غَفَلَ عَنِهِ ذَهَبَ بِهِ

“Diperlihatkannya kepadaku neraka iaitu ketika kamu melihat aku undur kerana aku takut akan terkena jilatannya sehingga ku nampak si pengait mengait poket mangsanya di dalam neraka itu kerana dia mencuri jemaah haji dengan tongkatnya. Jika ditanya kepadanya kenapa engkau mencuri ?. Dia menjawab: Aku tidak sengaja kerana ia tersangkut kepada tongkatku.Tetapi jika orang tidak menyedari perbuatannya, dia terus mencuri dengan mengait poket orang lain.”

(Muslim, Kitab al-Kusuf , Bab Ma `Urida `Ala al-Nabiyy Salla Allah `Alayh Wa Sallam Fi Salah al-Kusuf Min Amr al-Jannah Wa al-Nar, No. 2120)

Jemaah haji harus sentiasa menjaga etika dan estetika dirinya selama melaksanakan ibadah haji. Akhlak mulia merupakan kayu ukur untuk kepada maslahah yang umum dan ianya juga merupakan asas utama matlamat dari setiap maqasid (al-Fasi, 1993). Mereka juga harus berusaha agar dirinya bermanfaat kepada semua insan. Kehadirannya mampu melahirkan kebahagian orang lain. Jemaah juga selalu bersikap santun dan penuh perhatian serta empati kepada sesama manusia terutamanya sesama jemaah haji.

KESIMPULAN

Mengetahui objektif atau maqasid sesuatu ibadat itu adalah satu tuntutan supaya segala amalan kita itu bertepatan dengan al-Qur`an dan al-Sunnah. Penulisan artikel ini adalah untuk mengukur sejauh mana amalan jemaah haji Malaysia menepati maqasid al-Qur`an dan al-Sunnah. Kesemua maqasid ini perlu didedahkan terutamanya kepada pembimbing jemaah haji dengan menghubungkan amalan haji dengan maqasidnya kepada bakal jemaah haji dan merungkaikan permasalahan haji masa kini dengan mengambil solusi berdasarkan maqasid al-Sunnah untuk mencapai yang keputusan terbaik dan menepati kehendak syariat.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulayman bin Ash`ath al-Sajistani al-Azdi (2000), *Mawsu`ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin `Abd al-`Aziz al-Shaykh. Riyad: Dar al-Salam.
- `Adil bin `Ali al-Shaddi, Maqasid al-Hajj Fi al-Qur'an al-Karim, Majallah Jami`ah Um al-Qura Li `Ulum al-Shari`ah Wa al-Dirasat al-Islamiyyah, Bil. 44, (November 2008)
- Baydawi, Nasir al-Din al-(1988), *Anwar al-Tanzil Wa Asrar al-Ta'wil*, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Bukhari, Imam Muhammad bin Isma'il al-(2000), *Sahih al-Bukhari dalam Mawsu`ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin `Abd Al-`Aziz al-Shaykh. Riyad: Dar al-Salam.
- Fasi, `Allal al-(1993), *Maqasid al-Syar`iyyah al-Islamiyyah Wa Makarimah*, ed. ke-.3, Dar al-Gharbi al-Islami.
- Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1990), *Al-Jawahir Al-Qur'an*, Tahqiq Muhammad Rashid Rida al-Qubbani, ed. ke-3. Beirut: Dar Ihya' al-`Ulum.
- Ibn `Ashur, Muhammad al-Tahir (2005), *Maqasid al-Shari`ah al-Islamiyyah. Kaherah*: Dar al-Salam.
- Ibn Al-Qayyim, `Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr al-Zurra`i Ibn al-Qayyim al- Jawziyah (2008), *Hajjah Khayr Al-`Ibad al-Mustakhrayah Min Zad al-Ma`ad Fi Hady Khayr al-Ibad*, Damsyik: Dar al-Mawarith al-Turath.
- Ibn Hajar, al- Hafiz Ahmad bin `Ali Hajar al-`Asqalani (1993), *Al-Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, Abu Al-Fida' Isma'il bin 'Umar bin Kathir Al-Qurayshi al-Dimashqi (1999), *Tafsir al-Qur'an al-`Azim*. Beirut: Dar al-Tiba.
- Ibn Majah, al-Hafiz Abu `Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini (2000), *Mawsu`ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin `Abd al-`Aziz al-Shaykh. Riyad: Dar al-Salam.
- Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram al-Afriki al-Misr (t.t), selepas ini Ibn Manzur, Lisan al-`Arab, Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Rajab al-Hambali (2003), *Lata'if Al-Ma`arif*, Tahqiq: `Abd Allah `Amir. Kaherah : Dar al-Hadith.
- Jasas Ahmad bin `Ali Abu Bakr al-Razi al-, Ahkam Al-Qur'an Li al-Jasas , Beirut: Dar al-Kitab al-`Arabi.
- Mas'ud Budukhah, "Juhud al-'Ulama' Fi Istinbat Maqasid al-Qur'an al-Karim ", Mu'tamar al-

- ‘Alami al-Awwal Li al-Bahithin Fi `Ulum al-Qur’an.
Nawawi , Abu Zakariya Yahya bin Sharf bin Murri al-(1994), *Tahqiq `Isam al-Sabbabati et.al*, Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi, Cet.1, Kaherah, Dar al-Hadith.
- Qaradawi, Yusuf al-(2007), *Dirasah fi al-Fiqh Maqasid al-Shari`ah Bayn al-Maqasid al-Kuliyyah Wa al-Nusus al-Juz'iyyah* , ed.ke-2 . Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Qurtubi, Abu Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-(1994), *Al-Jami` al-Ahkam al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Raysuni Ahmad al-(1992), *Nazariyyat al-Maqasid I'nda al-Imam al-Syatibi* , Beirut: Al-Maahad al-Alami li al-Fikr al-Islam.
- Ridzwan Ahmad, “ Permasalahan Ta'lil Ahkam Sebagai Asas Penerimaan Maqasid al-Shari`ah Menurut Ulama Usul ”, *Jurnal Fiqh*, 5, Mei 2008.
- Salman `Awdah (2003), *Rasa'il Ilia Al-Hajj*, Riyad: Maktabah Al-Rushd.
- San`ani, Muhammad bin Isma`il al-(1992), *Subul al-Salam Sharh Bulugh al-Muram Min Jam` al-Adillah al-Ahkam Li Ibn Hajar al-`Asqalani* (Beirut: Al-Maktabah al-`Asriyyah).
- Shaddi, `Adil bin `Ali al-, Maqasid al-Hajj Fi al-Qur'an al-Karim,Majallah Jami`ah Um al-Qura Li `Ulum al-Shari`ah Wa al-Dirasat al-Islamiyyah , Bil. 44, (November 2008).
- Shawish, Muhammad Zuhayr al-, Kaifa Hajj Al-Nabiyy Salla Allah `Alayh Wa Sallam, ed.ke- 3, Damsyik, al-Maktab al-Islami.
- Shawkani, Muhammad bin `Ali bin Muhammad al-(1995), *Nayl al-Awtar min Ahadith Sayyid Al-Akhyar Sharh Muntaqa al-Akhbar* (Beirut:Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah).
- Shatibi, Ibrahim bin Musa bin Muhammad Abu Ishaq al-Gharnati al-(1996), *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Shari`ah* , *Tahqiq al-Shaykh `Abd Allah Daraz*. Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- Tabari, Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Ghalib bin Kathir al-Amili al-(1995), *Jami` al-Bayan Fi Ta'wil al-Qur'an*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Zamakhshari, Mahmud bin `Umar al-(2001), *Al-Kashshaf `An Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil Wa `Uyun al-Aqawil Fi Wujuh al-Ta'wil* , ed.ke-3. Beirut: Dar al-Kitab al-`Arabi.